

**Publication: MediaCorp Berita Online**

**Date: 28 April 2024**

**Headline: Corporate Action Network formed to help keep SG clean**

### **Corporate Action Network formed to help keep SG clean**

Menghimpun sektor swasta untuk bantu menjaga kebersihan Singapura.

Menghimpun sektor swasta untuk bantu menjaga kebersihan Singapura.

Antaranya, menubuhkan sebuah Rangkaian Tindakan Korporat yang kini disertai oleh 52 pertubuhan.

Menurut Majlis Kebersihan Awam, ia dapat memanfaatkan kekuatan serta kepakaran sektor swasta.

Ia sebahagian daripada usaha majlis tersebut bagi menggalak orang ramai agar turut bertanggungjawab ke atas kebersihan di tempat-tempat awam.

2024 ditetapkan sebagai Tahun Kebersihan Awam.

Hari 'SG Clean' dianjurkan sekali pada setiap suku tahun sejak 2021.

Pada hari tersebut, Majlis Bandaran akan berhenti menyapu di beberapa kawasan tertentu di merata Singapura.

Sebagai pengganti, hampir 70 aktiviti mengutip sampah dijalankan di seluruh negara.

"Perjalanan ke arah piawaian kebersihan awam kita, turut merangkumi semangat tanggungjawab kolektif dan tindakan bersama.

"Kita perlukan penglibatan aktif semua pihak yang berkepentingan - sama ada badan korporat pemerintah, perniagaan, masyarakat dan para individu, untuk mengambil tindakan secara kolektif bagi mengekalkan mutu kebersihan yang tinggi," kata Menteri Negara Kanan Sekitaran dan Sumber Air, Dr Amy Khor.

Mulai tahun hadapan, Hari 'SG Clean' bakal dianjurkan lebih kerap iaitu sekali setiap dua bulan.

Bagi menjamin langkah itu, satu Rangkaian Tindakan Korporat turut dibentuk.

Ia menggabungkan organisasi serta syarikat yang komited mendorong pelbagai kegiatan yang dipimpin pihak korporat bagi menyokong gerakan 'Jaga Kebersihan Singapura'.

Tinjauan Universiti Pengurusan Singapura (SMU) menunjukkan bahawa secara keseluruhan, ramai yang berpuas hati dengan tahap kebersihan di Singapura.

Sudut yang masih kurang memuaskan adalah di tandas-tandas awam di tempat jualan makanan seperti pusat penjaja dan kedai kopi.

Sebuah pasukan yang dipengerusikan bersama oleh Setiausaha Parlimen Kanan Baey Yam Keng akan memantau perkara tersebut.

Sumber : CNA/AT/ha